

# HARI KELUARGA pGURU 2009

Disediakan oleh Halimah Rahim

Sekali lagi Persatuan Mahasiswa/I Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (pGURU) telah berjaya menganjurkan hari keluarga SPPS bertempat di Tanjung Aru 2, Kota Kinabalu. Program ini yang bermula pada pukul 8 pagi hingga 3 petang ini telah dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti yang menarik antaranya pertandingan tarik tali, larian spinning gasing, larian buah-buahan dan banyak lagi. Seperti tahun-tahun

sebelumnya, penganjuran aktiviti seumpama ini adalah bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dikalangan mahasiswa/i SPPS. Aktiviti ini telah berjaya menggabungkan para peserta daripada lima buah program iaitu sains sukan, pendidikan sains sosial, ekonomi, sains dan TESL. Lebih menarik lagi hari keluarga SPPS ini turut disertai oleh mahasiswa/i sekolah lain iaitu dari Sekolah

Sains Sosial sebagai peserta jemputan Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Naimah Yusoff, Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi SPPS. Penganjuran aktiviti ini sudah semestinya mempromosikan gaya hidup yang sihat disamping mengeratkan hubungan kekeluargaan dikalangan penghuni SPPS. "together we walk, forever we stand"